

# Poligami Dalam Islam

Oleh: Abdullah Bin Haji Yunus

## Pengertian Poligami.

Poligami sebenarnya ialah perkataan Inggeris. Dalam Bahasa Melayu bererti berkahwin lebih dari satu. Sejak beberapa tahun yang lampau sehingga kini soal poligami merupakan perbincangan yang hangat di kalangan umat manusia seluruh dunia amnya dan seluruh umat Islam khasnya.

## Timbulnya Soal Poligami.

Timbulnya perbincangan mengenai soal poligami ini ialah didasarkan tidak puas hati dari pihak kaum wanita yang dimadukan oleh pihak suaminya dengan menggunakan poligami yang bukan maksudnya, sebagaimana yang dikehendaki oleh dasar Islam yang sebenar.

## Pandangan Bangsa Asing Terhadap Poligami.

Bangsa asing yang tidak beragama Islam berpendapat bahawa poligami itu tidak adil dan tidak logik. Sebab itulah kita dapat poligami tidak ada di kalangan bangsa asing. Oleh itu mereka minta supaya poligami itu dihapuskan iaitu jangan lagi dibenarkan berpoligami bagi kaum suami. Pendapat itu adalah bertentangan dengan agama kita yang suci ini. Sebenarnya mereka kurang faham dengan poligami yang dikehendaki dan ditentukan oleh Islam serta sebab-sebab yang diharuskan berpoligami dalam Islam.

## Hukum Berpoligami Dalam Islam.

Berpoligami dalam Islam adalah sihat dan hukumnya adalah harus sahaja. Tidak diwajibkan dan tidak pula digalakkan. Tetapi poligami yang dijalankan

oleh umat Islam sekarang ini kebanyakannya adalah poligami yang didasarkan dari nafsu dan syahwat sahaja. Poligami yang dikehendaki oleh Islam adalah jauh dari yang telah berlaku dalam masyarakat Islam yang menggunakan perkahwinan itu seperti yang dilakukan dalam masyarakat haiwan; habis satu berkahwin yang baru yang lama dibuang. Perangai yang demikian rupa sangat-sangat dilarang oleh agama Islam. Tuhan juga murka kepada yang bersifat demikian, sebagaimana sabda Rasulullah (S.A.W) yang bermaksud "*berkahwinlah kamu tetapi jangan kamu mentalakkan isterimu. Allah tidak suka lelaki yang berganti isteri dan Allah juga tidak suka perempuan berganti suami.*" Tuhan yang Maha Esa tidak murka atas hambanya melainkan yang melanggar hukumnya dan berdosa.

Dalam kitab suci al-Qur'an Tuhan ada menurunkan satu ayat untuk keistimewaan darjah manusia iaitu ayat yang mengharuskan umat Islam berpoligami sebagaimana maksudnya "*kahwinlah kamu wahai lelaki akan orang perempuan itu apabila berfaedah kepada kamu lebih dari satu iaitu dua tiga atau empat, dan tidak lebih dari empat, dengan syarat hendaklah kamu berlaku adil antara mereka; sekiranya kamu tidak sanggup berlaku adil memadailah bagi kamu berkahwin seorang sahaja.*

## Sebab-sebab Tuhan Mengharuskan Berpoligami.

Bilangan rakyat jelata dalam dunia ciptaan Tuhan ini adalah kaum wanita lebih ramai bilangannya dari kaum lelaki. Memandang kepada keadaan yang demikian inilah maka Tuhan Yang Maha Mengetahui akan betapa rahsia kesulitan yang dihadapi oleh makhluk atas hal yang tersebut itu,

maka dengan kemahuannya diturunkan agama Islam supaya memimpin umat Islam ke jalan yang lebih baik dan mulia serta keistimewaan darjat manusia lebih tinggi dari darjat haiwan. Lalu diharuskan berpoligami dalam Islam.

Dengan adanya keharusan berpoligami dari Tuhan itu maka dapatlah membentuk satu masyarakat bangsa yang terpuji di alam ini. Memang tujuan mengharuskan berpoligami itu adalah semata-mata untuk memelihara dari membiaknya pelacur-pelacur yang akhirnya akan menurunkan manusia yang hina.

### Syarat-syarat Berpoligami

Di sini nyatalah kepada kita yang suka berfikir bahawa walaupun kaum lelaki diharuskan berpoligami tetapi darjat atau hak kaum wanita tetap terpelihara dengan meletakkan syarat-syarat yang tertentu. Syarat-syaratnya adalah seperti yang berikut:-

- (a) Mampu memberi nafkah isterinya dengan cukup dan munasabah, sama ada nafkah zahir atau pun batin.
- (b) Adil pada segala-galanya
- (c) Kerana isteri uzur tidak dapat mengendalikan kehendak hidup perkelaminan.
- (d) Kerana isteri tak dapat menurunkan benih sebagaimana terjadi kepada Suraya bekas permaisuri Shah Iran yang tidak dapat melahirkan anak lelaki untuk mengantikan takhta kerajaan Iran.

Bagi umat Islam yang agamanya mengharuskan berpoligami mengikut yang dikehendaki dan ditentukan oleh Islam akan berkahwin dengan jalan yang halal. Dengan jalan yang demikian kesempurnaan dalam menurunkan zuriat adalah terjaga. Tetapi bagi umat yang tidak membolehkan berpoligami tentu akan dijalankan dengan jalan yang haram dan kesudahan zuriat itu adalah termasuk ke dalam golongan mereka yang kotor dan membahayakan dunia kerana benih

yang mulanya lahir adalah benih yang tidak baik kesudahannya akan tidak baik jadinya.

### Sifat Kaum Wanita.

Sudah menjadi tabiat semula jadi bagi kaum wanita iaitu mereka ingin memiliki sesuatu hanya bagi dirinya sahaja. Maka dengan sebab didorong dan dipengaruhi dengan sifat yang demikian dan disertai pula dengan kejahilan dalam soal mengapa diharuskan berpoligami; itu mereka selalu mengatakan undang-undang Islam tidak adil.

Pada hal mereka adalah bertentangan.

### Penutup

Kesimpulannya kita berharap kepada semua kerajaan Islam sedunia supaya bersatu dan bersepakat dengan menguasai dan menjalankan segala hak yang bersangkutan paut dengan agama hendaklah dilakukan dengan mengikut syarat-syarat dan dasar-dasar yang tertentu.

*Sudah terbit!*

Pengajian

## KESAH PELAYARAN

### ABDULLAH MUNSHI

*di-susun sa-mula oleh:*

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

*Di-chitak dan di-terbitkan oleh:*

QALAM,

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.